

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
[DAMANSARA]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini tuntutan Kerajaan Malaysia untuk membatalkan perjanjian penyelesaian antara 1MDB dan IPIC di mahkamah London dan apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan, termasuk anggaran jangka masa yang diperlukan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan sedang meneruskan tindakan undang-undang untuk membatalkan perjanjian penyelesaian antara 1MDB dan IPIC di Mahkamah di London, United Kingdom. Terdapat pelbagai prosiding interlokutori yang telah difailkan sama ada oleh Kerajaan Malaysia atau pihak IPIC/Aabar yang masing-masingnya sedang dicabar oleh pihak bertentangan.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa bersifat terbuka untuk mempertimbangkan apa-apa bentuk penyelesaian sekiranya terdapat tawaran yang sejajar dengan prinsip dan tanggungjawab Kerajaan Malaysia, iaitu untuk memastikan aset-aset negara dipulangkan dan pada masa yang sama, memastikan keadilan dapat ditegakkan.

Sekian, terima kasih.